

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan menjelaskan kepada staf akademik dan pihak Pengurusan di Pusat Tanggungjawab (PTj) kriteria yang perlu dipertimbangkan semasa pelantikan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam bagi pemeriksaan Tesis atau Disertasi atau Laporan Projek Penyelidikan calon program Kedoktoran dan program Sarjana.

2. TANGGUNGJAWAB

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Ketua PTj bertanggungjawab memastikan syarat pelantikan di dalam dokumen ini digunapakai untuk melantik Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam untuk memeriksa Tesis atau Disertasi atau Laporan Projek Penyelidikan calon program Kedoktoran dan program Sarjana.

Ketua PTj juga bertanggungjawab memantau tempoh pemeriksaan yang diambil oleh seseorang Pemeriksa yang dilantik. Sekiranya Pemeriksa Luar atau Pemeriksa Dalam tidak menjalankan kewajipan beliau dengan memuaskan atau jika berlaku kecemasan, Ketua PTj boleh melantik Pemeriksa Luar simpanan atau Pemeriksa Dalam lain untuk memeriksa Tesis atau Disertasi calon dengan syarat pelantikan tersebut itu hendaklah dilaporkan dalam mesyuarat PTj yang terdekat.

Ketua PTj juga bertanggungjawab memastikan Pemeriksa Luar yang sama tidak memeriksa dua (2) Tesis atau Disertasi secara serentak pada sesuatu masa. Penamaan sebagai Pemeriksa Luar Simpanan tidak diambil kira bagi tujuan ini.

3. DOKUMEN RUJUKAN

- (1) Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan (Ijazah Kedoktoran) (versi terkini).
- (2) Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan (Ijazah Sarjana) (versi terkini).
- (3) Keputusan yang dibuat oleh mesyuarat Senat dari semasa ke semasa.

4. DEFINISI PEMERIKSA

Pemeriksa Luar ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti Malaya yang dilantik oleh Senat dari luar Universiti Malaya untuk memeriksa Tesis atau oleh PTj untuk memeriksa Disertasi calon.

Pemeriksa Dalam ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti Malaya yang dilantik oleh PTj dari dalam Universiti Malaya untuk memeriksa Tesis atau Disertasi atau Laporan Projek Penyelidikan calon.

5. KOMPOSISI PEMERIKSA

Komposisi Pemeriksa mengikut mod penawaran program Kedoktoran dan program Sarjana bersama dengan kuasa melulus dan hasil penyelidikan adalah seperti di Lampiran 1.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMERIKSA

Peranan dan tanggungjawab Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam adalah seperti berikut:

- (1) menilai Tesis atau Disertasi atau Laporan Projek Penyelidikan dengan adil, sah, boleh dipercayai dan selaras dengan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan bagi program tersebut;
- (2) mengemukakan kepada Ketua PTj satu laporan yang mengandungi ulasan dan cadangan penambahbaikan (jika ada) yang perlu diambil tindakan oleh calon serta perakuan ke atas Tesis atau Disertasi calon. Laporan tersebut hendaklah disediakan dalam format yang ditetapkan dengan seberapa segera yang boleh tetapi tidak melebihi 45 hari dari tarikh Tesis atau Disertasi diterima oleh beliau;
- (3) menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan menjalankan peperiksaan viva voce. Mengajukan soalan kepada calon untuk menyemak dan mengesahkan keaslian hasil kerja calon;
- (4) mengambil bahagian menetapkan keputusan mengenai tahap pencapaian Tesis atau Disertasi calon dan menetapkan tempoh pembetulan seperti yang diputuskan dalam viva voce;
- (5) tidak mempunyai kolaborasi penyelidikan dan penerbitan dengan calon, dan
- (6) tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan calon dan/atau penyelia.

7. SYARAT PELANTIKAN PEMERIKSA BAGI PROGRAM SARJANA DAN PROGRAM KEDOKTORAN

Syarat pelantikan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam disediakan seperti berikut:

- (1) Syarat Pelantikan Pemeriksa Untuk Calon Program Kedoktoran (sila rujuk Lampiran 2).
- (2) Syarat Pelantikan Pemeriksa Untuk Calon Program Sarjana (sila rujuk Lampiran 3)

Maklumat lengkap cadangan Pemeriksa Luar hendaklah disediakan dalam format yang ditetapkan oleh Universiti Malaya (sila rujuk di Kembaran 1 dan Kembaran 2).

8. TEMPOH PELANTIKAN PEMERIKSA DAN PENYEDIAAN PANGKALAN DATA

- (1) Tempoh pelantikan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Luar Simpanan (termasuk kes pertimbangan khas) bagi program Kedoktoran (secara penyelidikan dan secara mod campuran) adalah selama lima (5) tahun dari tarikh kelulusan mesyuarat Senat.
- (2) Maklumat semua Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Luar Simpanan yang diluluskan oleh mesyuarat Senat akan disimpan dalam satu pangkalan data yang diuruskan oleh Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan (SPP), Pusat Pentadbiran dan Perkhidmatan Akademik (AASC). Maklumat dalam pangkalan data ini adalah sebagai rujukan dan untuk digunakan oleh semua PTj.
- (3) Dalam keadaan yang memerlukan PTj untuk menyenaraikan Pemeriksa Luar yang telah diluluskan oleh Senat (sama ada semasa dalam tempoh pelantikan atau selepas tempoh pelantikannya) dalam senarai hitam, perkara tersebut perlu dibawa oleh PTj berkenaan untuk tindakan mesyuarat Senat untuk maklumat dikemaskini dalam pangkalan data.
- (4) Pangkalan data bagi Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Luar Simpanan yang diluluskan oleh mesyuarat PTj bagi program Kedoktoran (secara Kerja Kursus dan secara Klinikal) dan program Sarjana (secara Penyelidikan dan secara Mod Campuran) perlu diuruskan oleh PTj berkenaan.
- (5) Dalam keadaan yang memerlukan PTj untuk menyenaraikan Pemeriksa Luar yang telah diluluskan oleh PTj (samada masih dalam tempoh pelantikan atau telah tamat pelantikannya), dalam senarai hitam, perkara tersebut perlu dibawa untuk tindakan mesyuarat PTj untuk maklumat dikemaskini dalam pangkalan data.
- (6) Pentadbir PTj hendaklah membuat rujukan di dalam pangkalan data untuk memastikan cadangan nama Pemeriksa Luar yang dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Senat tidak disenarai hitam.



**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PEMERIKSA BAGI CALON
PROGRAM KEDOKTORAN DAN PROGRAM SARJANA**

9. PENUTUP

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) versi terkini serta Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) versi terkini.

Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

KOMPOSISI PEMERIKSA

Komposisi Pemeriksa Program Kedokteran dan Program Sarjana

- (1) Komposisi Pemeriksa mengikut mod penawaran program Kedokteran dan program Sarjana bersama dengan kuasa melulus dan hasil penyelidikan adalah seperti di dalam Jadual 1.
- (2) Sekiranya tiada kepakaran yang sesuai dalam kalangan guru Universiti Malaya untuk dilantik sebagai Pemeriksa Dalam, maka seorang lagi Pemeriksa Luar boleh dilantik untuk menjalankan kewajipan Pemeriksa Dalam.

Jadual 1: Ringkasan Keperluan Komposisi Pemeriksa Bagi Program Kedokteran dan Program Sarjana Mengikut Mod Penawaran Program

Mod Penawaran Program Kedokteran	Komposisi Pemeriksa	Kuasa Melulus	Hasil Penyelidikan
Penyelidikan	Dua (2) Pemeriksa Luar (dan satu (1) Pemeriksa Luar Simpanan) Satu (1) Pemeriksa Dalam	Senat PTj Akademik	Tesis
Mod Campuran	Satu (1) Pemeriksa Luar Satu (1) Pemeriksa Dalam	Senat PTj Akademik	Tesis
Kerja Kursus	Satu (1) Pemeriksa Luar Satu (1) Pemeriksa Dalam	PTj Akademik	Disertasi
Klinikal	Satu (1) Pemeriksa Luar Satu (1) Pemeriksa Dalam	PTj Akademik	Disertasi
Mod Penawaran Program Sarjana	Komposisi Pemeriksa	Kuasa Melulus	Hasil Penyelidikan
Penyelidikan	Satu (1) Pemeriksa Luar Satu (1) Pemeriksa Dalam	PTj Akademik	Disertasi
Mod Campuran	Satu (1) Pemeriksa Luar Satu (1) Pemeriksa Dalam Atau Dua (2) Pemeriksa Dalam	PTj Akademik	Disertasi
Kerja Kursus	Satu (1) Pemeriksa Dalam	PTj Akademik	Laporan Penyelidikan Projek
Klinikal	Satu (1) Pemeriksa Dalam	PTj Akademik	Laporan Penyelidikan Projek

Nota: Komposisi Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam boleh berubah mengikut keperluan yang dinyatakan dalam Standard Program atau mengikut keperluan badan profesional berkenaan.

PELANTIKAN PEMERIKSA UNTUK CALON PROGRAM KEDOKTORAN

1. SYARAT PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR

- (1) Pemeriksa Luar yang dilantik mengikut mod penawaran program hendaklah mempunyai kelayakan seperti di bawah:
- (a) Program Kedoktoran Secara Penyelidikan
 - (i) mempunyai PhD atau setaraf;
 - (ii) bertaraf Profesor, dan
 - (iii) adalah dari kalangan Universiti / Industri / Pusat Penyelidikan luar Negara.
 - (b) Program Kedoktoran Secara Mod Campuran / Kerja Kursus / Klinikal
 - (i) mempunyai PhD atau setaraf, dan
 - (ii) bertaraf Profesor.
 - (c) Pertimbangan khas boleh diberi oleh Senat bagi pelantikan Pemeriksa Luar yang tidak dapat memenuhi kriteria kelayakan di atas tetapi secara keseluruhan dapat memenuhi kriteria berikut:
 - (i) Program Kedoktoran Secara Penyelidikan
 - (A) sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah bertaraf Profesor;
 - dan
 - (B) sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah dari luar Negara;
 - dan
 - (C) seorang pakar dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang berkenaan. Bukti dokumentasi bagi perkara ini ditentukan oleh PTj.
 - (ii) Program Kedoktoran Secara Mod Campuran / Kerja Kursus / Klinikal
 - (A) Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah bertaraf Profesor.

dan*

(B) Seorang pakar dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan. Bukti dokumentasi bagi perkara ini ditentukan oleh PTj.

*Nota: Pelantikan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Luar Simpanan bagi calon Kedoktoran secara mod campuran / kerja kursus / klinikal hendaklah sekurang-kurangnya seorang yang bertaraf Profesor dan seorang pakar.

(2) Pemeriksa Luar hendaklah mempunyai lima (5) hasil penyelidikan aktif yang relevan dalam bidang masing-masing bagi tempoh lima (5) tahun terkini seperti berikut:

(a) Penerbitan

(i) Bidang Sains : Penerbitan yang relevan dalam Jurnal *Web of Science* (WoS).

(ii) (A) Bidang Bukan Sains: Penerbitan Dalam

- Jurnal *Web of Science* (WoS)
Penerbitan yang relevan dalam jurnal-jurnal yang disenaraikan dalam *WoS* di bawah database *Science Citation Index Expanded*, *Social Sciences Citation Index*, *Arts & Humanities Citation Index* dan *Emerging Sources Citation Index (ESCI)*.

atau

- Jurnal Kategori A mengikut PTj
Penerbitan yang relevan dalam jurnal-jurnal yang disenaraikan dalam indeks *Scopus*, *ERA Journal List (Australian Research Council)* dan *Malaysian Journal Management System*.

atau

- Jurnal Kategori B mengikut PTj
Penerbitan yang relevan dalam jurnal yang diluluskan oleh mesyuarat PTj dari semasa ke semasa.

atau

- Buku-buku dan bab buku yang relevan yang diterbitkan oleh penerbit dari senarai Penerbit Universiti Malaya, *Web of Science (WoS) Master Book List*, Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Dewan Bahasa & Pustaka atau penerbitan ilmiah yang diluluskan oleh mesyuarat PTj dari semasa ke semasa.

ATAU

(B) Pakar (*subject matter expert*)

(i) Mempunyai kelayakan asas Ijazah Pertama dan sepuluh (10) tahun pengalaman;

dan

(ii) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) pencapaian dari mana-mana yang berikut:

- Pakar Runding / Pengamal dalam bidang berkenaan*;
- Menunjukkan kepakaran dalam bidang, contohnya membuat Persembahan / Pameran / Penerbitan Kreatif, atau
- Bimbingan / Pementoran (*mentoring / coaching*).

Nota*: Bukti dokumentasi bagi perkara di atas ditentukan oleh PTJ.

- (3) Pemeriksa Luar yang dilantik bagi calon yang sama hendaklah dari Universiti / Pusat Penyelidikan / Industri yang berbeza.
- (4) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung atau Profesor Pelawat atau Profesor Kehormat Universiti Malaya tidak boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar.
- (5) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung dari luar Universiti Malaya boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar.
- (6) Bekas guru sepenuh masa Universiti Malaya boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar dengan syarat beliau telah meninggalkan perkhidmatan Universiti Malaya untuk tempoh tidak kurang dua (2) tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai Pemeriksa Luar.
- (7) Siswazah Universiti Malaya yang merupakan bekas pelajar kepada penyelia calon boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar dengan syarat beliau telah menamatkan pengajian di Universiti Malaya dalam tempoh tidak kurang lima (5) tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai Pemeriksa Luar.

2. SYARAT PELANTIKAN PEMERIKSA DALAM

- (1) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung atau Profesor Pelawat atau Profesor Kehormat Universiti Malaya boleh dilantik sebagai Pemeriksa Dalam.
- (2) PTj boleh melantik seorang Pemeriksa Dalam Simpanan, jika perlu. Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Dalam Simpanan boleh dilantik dari PTj lain dalam Universiti Malaya.

PELANTIKAN PEMERIKSA UNTUK CALON PROGRAM SARJANA

1. Syarat Pelantikan Pemeriksa Luar

- (1) (a) Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan PhD atau setaraf.
- (b) Pertimbangan khas boleh diberi oleh mesyuarat PTj sekiranya Pemeriksa Luar yang tidak dapat memenuhi kriteria kelayakan pelantikan di atas tetapi dapat memenuhi salah satu kriteria di bawah:
- (i) mempunyai Ijazah Sarjana dengan pengalaman relevan selama lima (5) tahun;
- atau
- (ii) seorang pakar dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dan kelayakan profesional dalam bidang yang berkaitan. Bukti dokumentasi bagi perkara ini ditentukan oleh PTj.
- (2) Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah mempunyai tiga (3) hasil penyelidikan aktif yang relevan dalam bidang masing-masing bagi tempoh lima (5) tahun terkini seperti berikut:

(a) Penerbitan

(i) Bidang Sains : Penerbitan yang relevan dalam Jurnal *Web of Science (WoS)*.

(ii) (A) Bidang Bukan Sains : (a) Penerbitan Dalam

- Jurnal *Web of Science (WoS)* Penerbitan yang relevan dalam jurnal- jurnal yang disenaraikan dalam *WoS* di bawah database *Science Citation Index Expanded, Social Sciences Citation Index, Arts & Humanities Citation Index* dan *Emerging Sources Citation Index (ESCI)*.

atau

- Jurnal Kategori A mengikut PTj Penerbitan yang relevan dalam jurnal- jurnal yang disenaraikan dalam indeks *Scopus, ERA Journal List (Australian*

Research Council), Malaysian Journal Management System dan Peer-Reviewed Conference.

atau

- Jurnal Kategori B mengikut PTj
Penerbitan yang relevan dalam jurnal yang diluluskan oleh mesyuarat PTj dari semasa ke semasa.

atau

- Buku-buku dan bab buku yang relevan yang diterbitkan oleh penerbit dari senarai Penerbit Universiti Malaya, *Web of Science (WoS) Master Book List*, Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Dewan Bahasa & Pustaka atau penerbitan ilmiah yang diluluskan oleh mesyuarat PTj dari semasa ke semasa.

ATAU

(B) Pakar (*subject matter expert*)

(i) Mempunyai kelayakan asas Ijazah Pertama dan tujuh (7) tahun pengalaman

dan

(ii) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) pencapaian dari mana-mana yang berikut:

- Pakar runding / Pengamal dalam bidang berkenaan*, atau
- Menunjukkan kepakaran dalam bidang, contohnya membuat Persembahan / Pameran / Penerbitan Kreatif, atau
- Bimbingan/Pementoran (*mentoring/coaching*).

Nota*: Bukti dokumentasi bagi perkara ini ditentukan oleh PTj.

(3) Pemeriksa Luar hendaklah dilantik dari kalangan Universiti / Pusat Penyelidikan / Industri.

- (4) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung atau Profesor Pelawat atau Profesor Kehormat Universiti Malaya tidak boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar.
- (5) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung dari luar Universiti Malaya boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar.
- (6) Bekas guru sepenuh masa Universiti Malaya boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar dengan syarat beliau telah meninggalkan perkhidmatan Universiti Malaya untuk tempoh tidak kurang dua (2) tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai Pemeriksa Luar.
- (7) Siswazah Universiti Malaya yang merupakan bekas pelajar kepada penyelia calon boleh dilantik sebagai Pemeriksa Luar dengan syarat beliau telah menamatkan pengajian di Universiti Malaya dalam tempoh tidak kurang lima (5) tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai Pemeriksa Luar.

2. Syarat Pelantikan Pemeriksa Dalam

- (1) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung atau Profesor Pelawat atau Profesor Kehormat Universiti Malaya boleh dilantik sebagai Pemeriksa Dalam.
- (2) PTj boleh melantik seorang Pemeriksa Dalam Simpanan, jika perlu. Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Dalam Simpanan boleh dilantik dari PTj lain dalam Universiti Malaya.